

Banjir: Kerajaan belanja RM215j

GUA MUSANG - Kerajaan membelanjakan lebih RM215 juta bagi tujuan bantuan dan baik pulih kemudahan yang rosak selepas dilanda banjir paling buruk di negeri ini pada penghujung tahun lalu.

Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen Gua Musang, Datuk Nozula Mat Diah berkata, perbelanjaan peruntukan itu disalurkan menerusi pelbagai kementerian dan paling besar dibelanjakan RM100 juta bagi membaik pulih landasan kereta api.

"Selebihnya membabitkan Kementerian Pelajaran (RM77 juta), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (RM27 juta) dan Kementerian Pertanian dan Asas Tani (RM11 juta).

"Semua perbelanjaan ini untuk bantu mangsa banjir yang mengalami kerosakan rumah dan harta benda, selain bantuan kewangan," katanya yang juga Adun Paloh.

Nozula berkata, bantuan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap mangsa banjir di Kelantan yang memberi pelbagai bentuk bantuan secara berperingkat sejak selepas banjir.

Katanya, walaupun masih ada kemudahan belum dibaik pulih tetapi ia dalam proses pembaikan termasuk juga landasan kereta api yang rosak menyebabkan perjalanan kereta api ditangguhkan.

"Bagaimanapun, perkhidmatan kereta api mula pulih apabila perjalanan sudah bermula beberapa hari lalu dan malam ini, tren ekspres dari Gua Musang ke Johor Bahru pula dimulakan, manakala keesokan hari dari Johor Bahru ke Gua Musang.

"Kita anggap masalah ini dapat diselesaikan segera, hanya tinggal yang kecil-kecil sahaja," katanya.